

SIARAN MEDIA

GREEN URBAN FORUM 2023 (GUF 2023) TERUSKAN AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN DAN PERBANDARAN HIJAU

IPOH, 10 Mac 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian *Green Urban Forum (GUF) 2023* atau Forum Perbandaran Hijau bertempat di Hotel Kinta Riverfront, Ipoh pada pagi ini.

GUF 2023 merupakan salah satu platform bagi perkongsian pengetahuan dan kepakaran tentang aspek perbandaran hijau khususnya berkaitan pembangunan dan pengurusan landskap. Forum anjuran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) diadakan sempena sambutan Hari Landskap Negara 2023 yang akan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri pada 11 Mac 2023 di Taman Rekreasi D.R. Seenivasagam, Ipoh.

Menurut YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, “GUF 2023 merupakan forum bagi membincangkan pelbagai aspek pengurusan perbandaran hijau seperti landskap ke arah mencapai SDGs, digitasi seni bina dan transformasi landskap serta inovasi pengurusan hijau yang dilihat seiring dengan hasrat membangun Malaysia MADANI.”

Tambah beliau, “Forum ini wajar diadakan secara berkala bagi membentuk kepakaran kolektif negara yang sentiasa ke hadapan dalam bidang perbandaran hijau dan landskap. Ia juga mampu berperanan sebagai salah satu platform bagi menerapkan nilai-nilai pembangunan mampan serta amalan pengurusan landskap terbaik menjelang tahun 2030.”

Antara pengisian program sepanjang GUF 2023 adalah perbincangan isu penggunaan teknologi inovasi dan pintar dalam pengurusan landskap, transformasi sektor landskap serta penambahbaikan pembangunan landskap bagi mendokong 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

GUF 2023 melibatkan penyertaan seramai 150 orang peserta yang terdiri Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Universiti tempatan. Manakala bagi sesi pembentangan kertas kerja pula melibatkan empat (4) orang pembentang dan ahli panel daripada pelbagai agensi kerajaan, PBT, badan professional serta wakil-wakil pemegang taruh.

Kawasan hijau (*green environment*) adalah amat penting dan harus diuruskan dengan kaedah pintar menggunakan teknologi dan inovasi moden yang dapat mengurangkan kesan buruk ke atas alam sekitar. Dalam konteks ini, agensi pelaksana seperti Jabatan Landskap Negara (JLN) dan PBT perlu berfikiran ke hadapan (*forward-thinking*), inovatif, kreatif dan memanfaatkan teknologi dan inovasi moden dalam mereka bentuk, membangun, mengurus dan menyelenggara landskap ruang hijau dan taman-taman awam di seluruh negara.

Majlis Perasmian ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan); YBhg. Dato' Rumaizi bin Baharin @ Md Daud, Datuk Bandar Ipoh serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan Ketua Jabatan peringkat negeri dan daerah.

Penganjuran GUF 2023 ini merupakan antara komitmen dan usaha berterusan KPKT dalam menjamin kemampan bandar dan kesejahteraan rakyat secara jangka panjang. Ia merangkumi penyediaan rumah yang mencukupi dan mampu milik, menyediakan perkhidmatan bandar yang berkualiti, pengurusan sisa pepejal, memastikan kesejahteraan komuniti serta perancangan bandar yang mampan di Malaysia.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

